



Tengku Zaihan bersama kakitangannya menunjukkan ikan mati di permukaan Sungai Jertih dipercayai akibat perbuatan menuba.

Ribuan ikan mati dituba

JERTIH – Orang ramai gempar apabila ribuan pelbagai spesies ikan termasuk kelah ditemui mati di dalam Sungai Jertih berhampiran Masjid Hadhari Jertih, di sini kelmarin.

Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Besut, Tengku Zaihan Che Ku Abd Rahman berkata, kejadian itu disedari seorang kakitangannya ketika bertugas membersihkan kawasan Taman Rekreasi Sungai Jertih itu.

Menurutnya, kakitangannya menyedari kejadian itu kira-kira jam 9 pagi apabila melihat ribuan ikan mati terapung di atas permukaan air sungai.

“Punca ikan tersebut mati dipercayai akibat dituba oleh pihak tidak bertanggungjawab di bahagian hulu sungai kerana sifat tamak dan mahu tangkapan ikan dalam jumlah banyak serta mudah,” katanya.

Tengku Zaihan berkata, akibat perbuatan tersebut menyebabkan pelbagai spesies ikan

di situ seperti lampan, baung termasuk kelah dan kelisa serta ikan kecil lain mati.

Menurutnya, perbuatan menuba bukan sahaja menyebabkan pencemaran air sungai malah akan menyebabkan kepupusan ikan di sungai itu.

“Penuba hanya memungut ikan bersaiz besar sahaja dan membiarkan ikan kecil mati di permukaan air,” katanya.

Beliau berkata, Sungai Jertih adalah sebuah sungai di daerah ini yang diberi perhatian khusus untuk pemulihan daripada pencemaran air buangan termasuk mengalirkan air buangan melalui saluran paip khas ke kawasan pembetungan sebelum dirawat.

Menurutnya, usaha pihaknya memulihkan sungai tersebut berjaya kerana terdapat ikan kelah yang boleh hidup di dalam sungai tersebut memandangkan ikan kelah hanya boleh hidup di dalam air sungai yang bersih atau kelas 1 sahaja.